

POLISI MELAWAT DI HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

1.0 PENGENALAN

Polisi melawat ini diperkenalkan adalah untuk memberi makluman serta pengetahuan mengenai peraturan – peraturan yang ditetapkan di dalam kawasan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). Polisi ini juga dapat memudahkan pihak Unit Keselamatan membuat rujukan serta memantau pergerakan orang ramai di kawasan hospital. Polisi Melawat Hospital Sultanah Nur Zahirah merangkumi :-

- a. Polisi Melawat Di Wad-Wad Rawatan Am
- b. Polisi Melawat Di Wad Kritikal
- c. Polisi Penghantaran Makanan
- d. Polisi Melawat Di Luar Waktu Melawat
- e. Polisi Peneman Pesakit
- f. Polisi Lawatan Rasmi
- g. Polisi Melawat di Pusat Rawatan Ibu dan Bayi
- h. Polisi Melawat di Wad Kritikal Pusat Rawatan Ibu dan Bayi
- i. Polisi Peneman Di Dewan Bersalin
- j. Polisi Lain-Lain Pelawat
- k. Polisi Adab Pelawat Semasa Berada Di Hospital

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memberi pengetahuan kepada orang ramai / pelawat tentang peraturan melawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah.
- 2.2 Sebagai panduan kepada kakitangan Hospital Sultanah Nur Zahirah mengenai permasalahan melawat yang melibatkan orang ramai / pelawat.
- 2.3 Memudahkan pihak Unit Keselamatan membuat pemantauan pelawat yang datang ke Hospital Sultanah Nur Zahirah.
- 2.4 Menjaga keselamatan pesakit, kakitangan hospital dan orang awam semasa berada di dalam kawasan Hospital Sultanah Nur Zahirah.

3.0 POLISI MELAWAT DI WAD-WAD RAWATAN AM

- 3.1 Waktu melawat wad-wad rawatan am di Hospital Sultanah Nur Zahirah adalah seperti berikut:
 - 3.1.1 **HARI BEKERJA :**
 - i) 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang
 - ii) 5.00 petang hingga 7.00 malam
 - 3.1.2 **JUMAAT, SABTU DAN HARI KELEPASAN AM :**
 - i) 11.00 pagi hingga 2.00 petang
 - ii) 4.00 petang hingga 7.00 malam

- 3.2 Waktu melawat ditetapkan seperti di atas bagi memastikan masa mencukupi untuk anggota hospital melaksanakan tugas merawat pesakit sehingga selesai dan memberi ruang kepada pesakit untuk berehat.
- 3.3 Kanak-kanak di bawah umur **12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MELAWAT** bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut mendapat penyakit berjangkit dan kecederaan di luar jangka.
- 3.4 Dalam situasi kesihatan tertentu seperti wabak dan bencana, waktu melawat akan ditetapkan oleh pihak pengurusan hospital bagi mengawal penularan penyakit berjangkit dan juga menghadkan kesesakan pelawat di wad bencana.
- 3.5 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaaan dan apa-apa jangkitan penyakit yang diperolehi semasa melawat.

4.0 POLISI MELAWAT DI WAD-WAD RAWATAN KHAS ATAU KRITIKAL (ICU / CCU / HDW / WAD RAWATAN KEBAKARAN)

- 4.1 Waktu melawat adalah pada pukul 01.00 petang hingga 02.00 petang dan 05.00 petang hingga 07.00 petang setiap hari, termasuk hari Jumaat, Sabtu dan kelepasan am.
- 4.2 Hanya dua (2) orang pelawat sahaja dibenarkan masuk bagi setiap pesakit pada satu-satu masa. Pas Lawatan perlu diperolehi dari kaunter pengawal di wad berkenaan.
- 4.3 Pas Lawatan hendaklah sentiasa dipakai semasa berada di dalam Wad.
- 4.4 Makanan dan minuman daripada luar **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk.
- 4.5 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaaan dan apa-apa jangkitan yang diperolehi semasa melawat.

5.0 POLISI PENGHANTARAN MAKANAN

5.1 POLISI MENGHANTAR MAKANAN KE WAD BIASA

- 5.1.1 Penghantaran makanan ke wad oleh Petugas Penghantar Makanan (*GrabFood, Food Panda, dan lain-lain*) **ADALAH TIDAK DIBENARKAN KECUALI DIBAWA OLEH PELAWAT SEMASA WAKTU MELAWAT.**
- 5.1.2 Peneman dibenarkan membawa makanan pada bila-bila masa.
- 5.1.3 Pesakit dibenarkan untuk memesan makanan daripada penjual luar dengan syarat-syarat berikut :
 - 5.1.3.1 Pihak HSNZ tidak bertanggungjawab jika berlaku sebarang keracunan makanan yang berpunca daripada makanan luar yang dipesan.
 - 5.1.3.2 Waris / peneman / pesakit perlu mengambil sendiri makanan yang dipesan di kaunter serahan makanan.

5.1.3.3 Pihak HSNZ tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kelewatan / kehilangan / kerosakan terhadap makanan luar yang dipesan.

5.2 POLISI MENGHANTAR MAKANAN KE WAD COVID-19

5.2.1 Penghantaran makanan ke wad Covid-19 akan diuruskan oleh **PENGAWAL KESELAMATAN** mengikut jadual penghantaran makanan yang telah ditetapkan.

6.0 POLISI MELAWAT DI LUAR WAKTU MELAWAT

6.1 Lawatan kecemasan yang dibenarkan bagi situasi berikut :

- 6.1.1 Waris pesakit kritikal atau pesakit meninggal dunia
- 6.1.2 Suami atau ibu kandung atau ibu mertua kepada pesakit yang hendak bersalin
- 6.1.3 Waris kepada pesakit yang hendak dihantar ke dewan bedah
- 6.1.4 Waris / Pengiring bagi pesakit yang baru memasuki wad dari Unit Kecemasan dan Trauma.
- 6.1.5 Waris yang dipanggil oleh pegawai perubatan (Doktor) mengikut keperluan berkenaan dengan pesakit.

6.2 Sekiranya perlu, **HANYA SEORANG PELAWAT** dibenarkan masuk bagi seorang pesakit pada satu- masa dan tidak melebihi 30 minit.

6.3 Semua urusan lawatan selepas waktu melawat perlu dilakukan di Kaunter Pengawal di Bangunan Utama.

6.4 Pengawal yang bertugas dikehendaki mendapat kebenaran daripada pihak wad sebelum kebenaran melawat diberikan.

6.5 Pas Pelawat hanya dikeluarkan berdasarkan tingkat / wad yang ingin dituju. Pemegang pas pelawat tidak dibenarkan melawat ke wad yang lain.

6.6 Jumlah maksimum pas pelawat yang boleh dikeluarkan bagi setiap tingkat adalah 10 pas pada satu-satu masa.

6.7 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaaan dan apa-apa jangkitan yang diperolehi semasa melawat.

7.0 POLISI PENEMAN PESAKIT

- 7.1 Seorang waris dibenarkan meneman pesakit setelah mendapat kebenaran dan diberikan pas kebenaran meneman pesakit oleh **KETUA JURURAWAT WAD**.
- 7.1.1 Waris atau penjaga kepada pesakit yang memerlukan peneman dan memerlukan bantuan khusus. Hanya waris atau penjaga wanita sahaja yang dibenarkan menjaga di wad wanita. **JIKA PENEMAN LELAKI HENDAK MENEMAN DI WAD WANITA, MAKA KELULUSAN KHAS PEGAWAI PERUBATAN YANG MERAWAT PESAKIT PERLU DIPEROLEHI. PENEMAN LELAKI TERSEBUT TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN TANDAS DI WAD PEREMPUAN UNTUK KEPERLUAN DIRI TETAPI BOLEH MENGGUNAKAN TANDAS WAD LELAKI YANG BERDEKATAN.** Di wad lelaki, waris atau penjaga berlainan jantina dibenarkan meneman pesakit;
- 7.1.2 Ibu atau bapa dibenarkan menjaga kanak-kanak di wad kanak-kanak; dan
- 7.1.3 Ibu kepada bayi-bayi yang menyusu di SCN.
- 7.2 Hanya **SEORANG PENEMAN SAHAJA** dibenarkan untuk setiap pesakit;
- 7.3 Tempoh sah laku untuk setiap Surat Peneman Pesakit hendaklah tidak melebihi 3 hari. Permohonan baru hendaklah dikemukakan sekiranya memerlukan tempoh pelanjutan;
- 7.4 Surat Peneman Pesakit hendaklah diisi sepenuhnya sebelum dibuat pengesahanoleh Ketua Jururawat bertugas;
- 7.5 Pihak pengawal keselamatan berhak menahan/merampas Surat Peneman Pesakit yang tidak memenuhi kriteria seperti di para 7.1 hingga 7.4.
- 7.6 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaaan dan apa-apa jangkitan yang diperolehi semasa melawat.
- 7.7 Peneman **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam wad semasa sesi lawatan pakar perubatan (*ward round*) bermula pukul 07.30 pagi hingga 10.00 pagi kecuali apabila waris pesakit dipanggil oleh petugas perubatan / petugas wad.

8.0 POLISI LAWATAN RASMI

- 8.1 Setiap permohonan lawatan rasmi berkumpulan sama ada dari badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan kebajikan sosial, persatuan / badan keagamaan atau orang perseorangan (khas) hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Hospital terlebih dahulu untuk kelulusan.
- 8.2 Lawatan yang telah diluluskan akan dikendalikan oleh **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT** untuk tindakan selanjutnya.
- 8.3 Masa lawatan yang dibenarkan adalah sekitar pukul 03.00 petang hingga 05.00 petang sahaja pada hari bekerja. Lawatan tidak boleh dilakukan dalam jangka masa yang lama atau terlalu awal untuk setiap sesi.
- 8.4 Lawatan pada cuti umum atau hujung minggu tidak digalakkan.

- 8.5 Bilangan pelawat setiap kumpulan tidak boleh melebihi 10 orang bagi wad-wad biasa dan tidak melebihi 8 orang bagi lawatan wad pediatrik onkologi. Pelawat adalah dilarang samasekali memasuki Wad pengasingan (Isolation ward) dan wad penjagaan rapi (ICU).
- 8.6 Lawatan sambil belajar dalam kumpulan yang besar akan dibahagikan kepada kumpulan kecil dan hanya akan dibenarkan melawat satu (1) wad sahaja pada satu-satu masa.
- 8.7 Bagi lawatan sempena mana-mana sambutan misalnya Hari Kanak-Kanak Sedunia, Hari Persatuan Bulan Sabit Merah dan lain-lain, hendaklah dilakukan pada waktu petang hari bekerja. Aktiviti hanya akan dilakukan bagi pesakit-pesakit yang berkeupayaan menyertai dengan diiringi oleh kakitangan wad. Pesakit-pesakit dari wad pediatrik onkologi dan wad pediatrik pengasingan/penjagaan rapi tidak dibenarkan terlibat sama sekali dalam aktiviti ini. Mereka hanya boleh menyertai aktiviti secara berasingan di dalam wad sahaja dan tidak dibenarkan keluar.
- 8.8 Sebarang pemberian hadiah kepada para pesakit hendaklah hadiah berbungkus (*pack present*) dan bukannya makanan basah seperti KFC, *burger* dan lain-lain. Makanan yang dibenarkan adalah biskut berbungkus, minuman kotak atau botol, alat tulis, tuala dan mana-mana yang dibenarkan oleh Pengarah Hospital. Semua hadiah berupa makanan perlu dipastikan halal oleh pihak penganjur.
- 8.9 Pengambilan foto para pesakit hendaklah mendapat kebenaran pengarah hospital, pesakit / keluarga pesakit terlebih dahulu. Pihak pelawat yang membawa pihak wartawan dan ingin membuat kenyataan akhbar (*press release*) perlu mendapat kebenaran Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu terlebih dahulu.
- 8.10 Orang kenamaan termasuk pengurusan tertinggi kementerian yang menjalankan lawatan rasmi mesti diiringi oleh anggota hospital semasa lawatan.

9.0 POLISI MELAWAT DI PUSAT RAWATAN IBU DAN BAYI HSNZ (PRIBA)

- 9.1 Waktu melawat pada hari Ahad hingga Khamis bermula jam 12.00 tengah hari hingga 02.00 petang dan 05.00 petang hingga 07.00 petang.
- 9.2 Waktu melawat bagi Jumaat, Sabtu dan cuti umum bermula jam 11.00 pagi hingga 02.00 petang dan 04.00 petang hingga 07.00 petang.
- 9.3 Pengawal keselamatan dan anggota HSNZ mesti bertanggungjawab untuk memastikan pelawat mematuhi waktu melawat yang ditetapkan.
- 9.4 **KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MEMASUKI WAD.**
- 9.5 Hanya dua (2) orang pelawat sahaja dibenarkan masuk bagi setiap pesakit pada satu-satu masa.
- 9.6 Pas Lawatan hendaklah sentiasa dipakai semasa berada di dalam Wad.
- 9.7 Makanan dan minuman luar tidak digalakkan dibawa masuk.

- 9.8 Pengambilan gambar atau video di dalam wad **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- 9.9 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaaan dan apa-apa jangkitan yang diperolehi semasa melawat.

10.0 POLISI MELAWAT DI WAD KRITIKAL PUSAT RAWATAN IBU DAN ANAK (PRIBA)

10.1 WAD NEONATAL

- 10.1.1 Bagi Wad SCN & NICU hanya ibu bapa sahaja dibenarkan masuk melawat.
- 10.1.2 Bagi kes-kes kritikal dan kecemasan, ibu bapa atau waris terdekat dibenarkan masuk dengan keizinan pihak wad.
- 10.1.3 Masa melawat bapa ke Wad SCN dari 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang dan 5.00petang hingga 7.00 petang setiap hari bekerja. Manakala pada hari minggu / cuti umum, masa melawat adalah pada 11.00 pagi hingga 2.00 petang dan 5.00 petang hingga 7.00 petang.
- 10.1.4 Masa lawatan untuk bapa dihadkan 20 minit sahaja. Manakala ibu dibenarkan melawat pada bila-bila masa sahaja untuk penyusuan dan tidak melebihi jam 10.00malam.
- 10.1.5 Untuk Wad SCN dihadkan kepada 5 pasangan ibu bapa sahaja pada satu-satu masa. Setiap pasangan ibu bapa dibekalkan dengan Pas Pelawat. (1 pas = 1 pelawat)
- 10.1.6 Untuk Wad NICU, ibu bapa dibenarkan melawat bila-bila masa sahaja dan tidak melebihi jam 10.00 malam. (Masa melawat untuk bapa hanya sehingga 20 minit)
- 10.1.7 Setiap lawatan ibu bapa perlu direkodkan oleh pengawal keselamatan di pintu masuk wad.
- 10.1.8 Ibu bapa hendaklah membawa dokumen pengenalan diri (kad pengenalan / lesen memandu / kad ibu mengandung) pada setiap kali lawatan.

10.2 WAD ICU / HDS PRIBA

- 10.2.1 Hanya dua (2) orang pelawat sahaja dibenarkan masuk pada satu masa. PasLawatan boleh diambil di kaunter pengawal di wad berkenaan.
- 10.2.2 Pas Lawatan hendaklah sentiasa dipakai semasa berada di dalam Wad.

11.0 POLISI PENEMAN DI DEWAN BERSALIN

- 11.1 Hanya suami atau ibu pesakit sahaja yang dibenarkan meneman. Keutamaan meneman adalah diberikan kepada suami.
- 11.2 Peneman mestilah mempunyai pengenalan diri yang sah.
- 11.3 Kebenaran ini hanya terpakai di Dewan Bersalin sahaja. Kebenaran meneman

tidak dilanjutkan di Wad Antenatal, Postnatal atau Dewan Bedah.

- 11.4 Semua peneman dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan lawatan HSNZ.
- 11.5 Setiap aktiviti keluar masuk oleh peneman di Dewan Bersalin mestilah diiringi oleh jururawat untuk menjaga privasi pesakit lain.
- 11.6 Peneman tidak dibenarkan menjegah bilik lain walau dengan apa alasan sekali pun.
- 11.7 Adalah dimaklumkan bahawa HSNZ mempunyai ramai pelajar perubatan dan jururawat pelatih yang menjalani latihan amali dan mereka dibenarkan untuk menyaksi, membantu dan menyambut kelahiran normal (dengan supervision).
- 11.8 Pengambilan gambar atau video di dalam wad tidak dibenarkan sama sekali.

12.0 POLISI-POLISI LAIN PELAWAT

- 12.1 Sukarelawan hospital yang berdaftar dibenarkan memasuki hospital dan wad daripada jam 7.00 pagi sehingga jam 9.00 malam.
- 12.2 Ahli Lembaga Pelawat Hospital dengan kad pengenalan diri dibenarkan melawat hospital dan wad-wad am pada bila-bila masa untuk menjalankan tugas-tugas rasmi kecuali di tempat-tempat yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

13.0 ADAB PELAWAT SEMASA BERADA DI HOSPITAL

- 13.1 Semua pelawat hendaklah berpakaian sopan dan kemas.
- 13.2 Ibu bapa atau penjaga WAJIB mengawal anak masing-masing di sepanjang waktu melawat.
- 13.3 Semua pelawat dikehendaki menghormati privasi dan keselesaan semua pesakit di wad. Contoh : memendekkan tempoh lawatan dan tidak bercakap dalam nada yang kuat.
- 13.4 Pelawat tidak dibenarkan menghalang anggota hospital yang hendak melakukan perawatan atau prosedur ke atas pesakit semasa waktu melawat.
- 13.5 Semua pelawat tidak dibenarkan menyentuh peralatan perubatan di wad bagi mengelakkan komplikasi kepada pesakit atau kerosakan peralatan.
- 13.6 Semua pelawat dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak hospital termasuk larangan merokok dan amalan kawalan infeksi. Pihak hospital berhak menarik balik kebenaran melawat sekiranya pelawat melanggar mana-mana peraturan hospital.
- 13.7 Semua pelawat dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pengawal Keselamatan yang menjalankan tugas.
- 13.8 Pengambilan gambar atau video di dalam wad tidak dibenarkan sama sekali .

14.0 PENUTUP

Polisi Melawat Hospital Sultanah Nur Zahirah ini adalah sebagai panduan kepada orang awam dan kakitangan Hospital dalam hal berkaitan peraturan melawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah. Sebarang pertikaian ke atas polisi melawat ini, Pengarah Hospital mempunyai kata putus yang muktamad.

Polisi melawat ini akan berubah mengikut keperluan semasa contohnya ketika penularan wabak penyakit berjangkit atau arahan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dari semasa ke semasa.